

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 10 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil.6

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 71-100556
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan berapakah jumlah bangunan yang telah berjaya mendapat status "heritage" di negara ini, dan apakah strategi Kementerian untuk memastikan ianya tidak akan luput kerana faktor semulajadi atau buatan manusia.
2. 24-100572
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kementerian di dalam pemeriksaan agenda pembangunan pertanian Sabah, terutama di dalam usaha membangunkan industri makanan yang boleh membantu mengurangkan pergantungan kepada import makanan ke Sabah di samping membantu pembangunan negeri.
3. 57-100159
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan asas-asas Kerajaan melanjutkan tempoh konsesi PLUS selama 8 tahun lagi dan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan pihak PLUS tidak menaikkan kadar tol dan sebaliknya meningkatkan mutu perkhidmatan lebuhraya demi kebaikan pengguna.
4. 27-100476
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan penggunaan "Mykad" yang mempunyai data-data pesakit dan sejarah kesihatan seseorang.

5. 4-100547
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah wajar tindakan diambil terhadap aduan yang diterima daripada orang awam yang membuat panggilan melalui telefon dan sistem pesanan ringkas (sms) yang dipaparkan di badan kenderaan tersebut, apabila mendapati pemandu kenderaan berat tidak mematuhi peraturan dan melakukan kesalahan di jalan raya.
6. 18-100489
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah hasil kutipan tabung Tsunami dan bencana alam negara atau peruntukan Kerajaan sendiri dapat diagihkan kepada mangsa-mangsa Tsunami yang masih belum dapat memulakan proses pencarian rezeki mereka walaupun sudah hampir setengah tahun tragedi ini berlalu.
7. 22-100252
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini isu tuntutan bertindih di antara Malaysia dan Indonesia ke atas kawasan cari gali petroleum ditapak ND6 dan ND7 Laut Sulawesi, Indonesia.
8. 46-100319
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pengajar yang berstatus guru Bahasa Inggeris (DG 41, DG 44, DG 48) di IPTA dan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan kedudukan mereka ini kepada taraf perkhidmatan yang setara dengan pensyarah universiti (DS 45, DS 53) atau seumpamanya.
9. 39-100459
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian mengatasi masalah mengenai penyediaan kelengkapan serta bilik kecemasan bagi poliklinik kesihatan yang terletak di luar bandar dan kawasan pedalaman terutamanya klinik ibu mengandung dan perlu dinaik taraf perkhidmatannya agar mereka dapat menikmati rawatan serta perkhidmatan yang diperlukan tanpa perlu pergi jauh ke hospital besar.
10. 25-100343
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Kerajaan menubuhkan syarikat payung konsortium untuk menjalankan projek Kerajaan. Adakah Kerajaan sedar kos yang dialami oleh syarikat ini kononnya dilantik oleh Kerajaan adalah 50% lebih mahal dari kos pasaran.

11. 20-100094
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) bilangan penduduk yang miskin dan miskin tegar dalam negara; dan
 - (b) apakah bentuk perancangan dan peruntukan dalam RMK-9 untuk membasmi kemiskinan khususnya masyarakat Orang Asli yang kemiskinannya mencecah hampir 80% (termasuk 56.6% kemiskinan tegar) daripada jumlah penduduk hampir 148,000 orang.
12. 70-100205
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menyediakan Peruntukan Penyelenggaraan Kemudahan Sukan di setiap negeri untuk memastikan kemudahan sukan di seluruh negara sentiasa terjaga dan dalam keadaan baik.
13. 14-100435
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kempen cara hidup sihat diperkenalkan kepada pekerja-pekerja ladang dan sejauh manakah respon mereka berhubung kempen tersebut.
14. 30-100530
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan kakitangan pentadbiran pengurusan yang profesional di peringkat sekolah pada masa akan datang.
15. 45-100303
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah anggota polis dirempuh ketika mengawal lalu lintas atau membuat sekatan jalan raya.

16. 43-100026
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) adakah masih ramai lagi penuntut-penuntut yang dibiayai oleh Kerajaan belajar di luar negara, tidak pulang selepas habis tempoh belajar kerana bekerja di negara berkenaan memandangkan pendapatan yang jauh lebih lumayan berbanding dengan negara sendiri; dan
 - (b) apakah tindakan yang diambil.
17. 52-100575
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewajibkan setiap pelajar-pelajar sekolah menengah memasuki sekurang-kurangnya satu pasukan beruniform bagi penerapan disiplin serta jati diri dari peringkat remaja lagi.
18. 62-100158
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memastikan bilangan kawasan lapang yang mencukupi untuk warga kota menjalankan kegiatan riadah dan rekreasi selaras dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat sihat.
19. 23-100167
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan penduduk tetap dan warganegara mengikut negara asal mereka. Berapakah jumlah kes-kes seperti ini dapat diproses dan berjaya pada setiap tahun.
20. 15-100449
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kecemerlangan sukan semasa era Ghani (60an) dan Mokhtar Dahari (70an) telah lama berlalu, apakah tindakan Kementerian untuk menjulang balik keagungan bola sepak di negara kita.
21. 38-100383
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan kempen Tak Nak Merokok di kalangan rakyat negara ini.

22. 57-100144
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan kursus-kursus yang ditawarkan di IPTA bersesuaian dengan permintaan pasaran pekerjaan.
23. 17-100410
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kadar keciciran pelajar lepasan Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina dalam menghadapi peperiksaan PMR dan SPM dan apakah puncanya.
24. 42-100065
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah pekerja asing dari negara lain yang akan diambil bagi menggantikan pendatang tanpa izin yang dihantar pulang diberi latihan terlebih dahulu sebelum di bawa masuk ke negara ini. Jika ada, nyatakan bidang latihan yang diberikan dan untuk sektor apa.
25. 67-100124
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sampai bilakah misi kemanusiaan Malaysia di Aceh akan diteruskan dan apakah Kementerian berhasrat untuk menubuhkan satu unit khas yang dapat memantau dan memberi bantuan kemanusiaan mala petaka dan bencana alam ke seluruh dunia.
26. 7-100214
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah sekolah wawasan yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia yang ke-9. Bagaimanakah perpaduan boleh ditingkatkan melalui pembinaan sekolah-sekolah wawasan ini.
27. 17-100407
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** langkah-langkah yang diambil bagi menghantar balik Pendatang Asing Tanpa Izin(PATI) jika didapati mereka telah berkahwin dengan rakyat Malaysia dan mempunyai anak.
28. 70-100186
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program-program pendidikan keluarga bahagia yang dilaksanakan oleh Kementerian kerana pada masa ini terdapat kes-kes penceraian di kalangan masyarakat begitu tinggi.

29. 45-100291
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sikap Kerajaan Malaysia terhadap provokasi yang dijalankan oleh media Indonesia dalam pelbagai isu dua hala antara Kuala Lumpur - Jakarta sejak kebelakangan ini.
30. 31-100025
Datuk Benedict Bujang Tembak minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan memandangkan TELEKOM Malaysia Bhd. mendapat keuntungan berbilion ringgit setiap tahun, adakah Kementerian bercadang mengarahkan syarikat berkenaan menjalankan obligasi sosial terhadap rakyat di luar bandar, mengadakan kemudahan-kemudahan seperti telefon di sepanjang Jalan The Pan Borneo Highway, di negeri Sarawak untuk kegunaan orang awam yang memerlukan perkhidmatan tersebut untuk keselamatan dan kecemasan.
31. 66-100224
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dengan 7 buah Sekolah Menengah yang menampung seramai 14,203 orang pelajar dengan 356 buah bilik darjah dan bilangan pelajar di setiap bilik darjah berpurata 40 orang, adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan Sekolah Menengah di Bintulu.
32. 8-100499
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah pandangan Kementerian mengenai isu penyelewengan logo HALAL dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan sama ada makanan yang diproses di kilang benar-benar halal dan apakah jaminan untuk pengguna itu sendiri.
33. 69-100332
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan kutipan derma untuk mangsa-mangsa Tsunami dan berapakah jumlah sumbangan-sumbangan tersebut yang telah pun disalurkan kepada mangsa-mangsa terbabit.
34. 25-100355
Puan Ooi Siew Kim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada JPA bercadang untuk melantik seorang kakitangan berpangkat JUSA di kalangan kaum Cina untuk mengisi jawatan Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Adakah Kerajaan bercadang melantik kakitangan Kerajaan untuk mengisi jawatan Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah di daerah yang ramai kaum Cina.

35. 40-100045
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah graduan yang menganggur; dan
 - (b) adakah 4% faedah pentadbiran kos pengurusan yang dikenakan kepada peminjam PTPTN membebaskan terutamanya bagi mereka yang masih belum mendapat kerja.
36. 65-100059
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kedudukan yang sebenar isu sosej yang dikaitkan dengan daging babi yang hangat diperkatakan baru-baru ini.
37. 51-100002
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bekalan elektrik tidak sering terputus seperti apa yang berlaku sekarang.
38. 60-100408
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan
- (a) apakah kajian telah dibuat untuk mengurangkan beban tugas guru yang menjadi punca gagalannya usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan; dan
 - (b) apakah benar kaedah pengajaran dan pembelajaran (P & P) di Sekolah Kebangsaan terlalu rigid berbanding Sekolah Jenis Kebangsaan.
39. 47-100318
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana langkah-langkah diambil bagi mempromosikan cadangan menggunakan dinar emas serta penerimaan di kalangan negara-negara OIC.

40. 40-100043
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Malaysia memiliki kemudahan-kemudahan prasarana sukan yang canggih dan moden seperti Litar Sepang dan sekolah sukan yang lengkap dan moden. Selain itu Malaysia terkenal sebagai pengajur sukan bertaraf antarabangsa seperti Formula 1, Sukan Komanwel dan lain-lain lagi:-
- (a) adakah pencapaian dan status atlet-atlet di negara kita membanggakan; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian bagi menarik minat masyarakat terutamanya golongan belia atau remaja agar menjadikan sukan sebagai satu bidang atau peluang pekerjaan yang boleh menjamin masa depan.
41. 62-100129
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah benar kadar jenayah semakin meningkat di kalangan masyarakat hari ini.
42. 44-100265
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tarikh perletakan batu asas bagi Universiti Darul Iman di Terengganu dan di manakah lokasi yang telah dikenal pasti.
43. 39-100460
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan serta menyiasat apakah punca yang menyebabkan masih terdapat penyeludupan serta pengedaran dadah di negara ini. Adakah sistem keselamatan dan pemeriksaan terhadap barangan keluar masuk negara tidak dilaksanakan dengan lebih terkawal dan cekap serta mungkin hanya dilakukan dengan sambil lewa oleh pihak berkuasa sehingga ianya mudah diperolehi.
44. 54-100050
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan lesen dan pemegang senjata api persendirian di Sarawak dan apakah sebab-sebab lesen tersebut diluluskan kepada pemohon.

45. 9-100521
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) jumlah anggota RELA yang terlibat dalam usaha memberkas dan menahan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan bagaimanakah keberkesanan mereka melaksanakan tugas; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan proses "menghalalkan" PATI dengan mengenakan denda dan lain-lain bayaran supaya dapat menjimatkan kos dan mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.
46. 20-100115
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi kelonggaran kawalan pencegahan penyeludupan bunga api dan mercun yang amat berleluasa pada setiap kali musim perayaan.
47. 59-100177
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes rompakan, samun dan penculikan yang dilakukan oleh lanun yang dilaporkan sepanjang tahun 2004 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dan setakat manakah keberkesanannya.
48. 41-100264
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) adakah bantuan mangsa Tsunami dalam negara kita telah mencapai matlamat; dan
 - (b) berapakah jumlah keluarga dan perseorangan yang telah menerima bantuan dan apakah jenis bantuan yang diberikan.
49. 7-100235
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimana Kementerian bercadang untuk meningkatkan taraf penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar di negara ini. Adakah guru-guru akan dihantar ke luar negara untuk mendapat latihan khas supaya mereka dapat membantu Kerajaan merealisasikan hasrat itu.

50. 19-100344
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah kolej-kolej swasta yang mengadakan usahasama program berkembar dengan universiti-universiti di luar negara mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Jika tidak, apakah usaha Kementerian dalam menjamin kualiti pendidikan yang diterima oleh pelajar-pelajar yang tidak diiktiraf ini mudah diterima kerja kelak.
51. 58-100142
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah hasil lawatan Menteri ke Cuba tidak berapa lama dahulu dan adakah lawatan tersebut boleh membantu meningkatkan kejayaan dan mutu sukan di negara ini terutama di dalam menyediakan atlit negara kita ke peringkat antarabangsa.
52. 9-100502
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi insentif bagi menyerap bekas-bekas tentera yang tamat kontrak pada usia 32 tahun sebagai pekerja di sektor binaan dengan pendapatan yang berpatutan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Usul dibuat oleh Dato' Hamzah bin Zainudin dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [10 Mei 2005]

2	(D.R. 1/2005)	Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005	Bacaan Kali Yang Kedua
3	(D.R. 5/2005)	Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005	“
4	(D.R. 3/2005)	Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005	“
5	(D.R. 28/2004)	Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004	“
6	(D.R. 7/2005)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005	“
7	(D.R. 6/2005)	Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005	“
8	(D.R. 2/2005)	Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005	“

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.6	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah KEDAH (KEDA) Tahun 2002 (Telah Diaudit).	10 Mei 2005
ST.7	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) Tahun 2002 (Telah Diaudit).	10 Mei 2005
ST.9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan dan Penyelidikan Perhutanan Malaysia (LPPPM) Tahun 2003 (telah Diaudit).	10 Mei 2005
ST.19	Laporan Tahunan Lembaga Letrik Sabah Bagi Tahun 2002.	10 Mei 2005
ST.29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak (YTR) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	10 Mei 2005